



(<https://news.uitm.edu.my/>)

UiTM News Hub

(<https://news.uitm.edu.my/>)

Official News Hub for Universiti Teknologi MARA

Kemasukan Pelajar Pra Pendidikan Tinggi(PPT) Ke Kolej Kediaman Kampus Seri Iskandar Sesi Oktober 2021

📅 23/10/2021 (<https://news.uitm.edu.my/kemasukan-pelajar-pra-pendidikan-tinggippt-ke-kolej-kediaman-kampus-seri-iskandar-sesi-oktober-2021/>) 👤 NOR ZARINA BINTI MOHD SALIM (<https://news.uitm.edu.my/author/admin/>)



(<https://news.uitm.edu.my/kemasukan-pelajar-pra-pendidikan-tinggippt-ke-kolej-kediaman-kampus->

seri-iskandar-sesi-oktober-2021/pergerakan-masuk-kenderaan-ibubapa-1-jpg/)

16 Oktober 2021, Seri Iskandar – Seawal 8.00 pagi pergerakan masuk kenderaan ibubapa ke kolej kediaman telah bermula. Kedatangan pelajar telah disambut oleh Ybhg Tuan Rektor, Prof.Sr Dr Md Yusof Hamid, Timbalan Rektor HEP, Sr.Dr Mohd Azian Zaidi dan delegasi pengurusan eksekutif yang lain memeriahkan suasana pada pagi itu.

Seramai 35 pelajar pelajar PPT yang bekeperluan telah kembali ke kampus bagi menyambung pembelajaran sesi ODL mereka di kolej kediaman. Mereka ini terdiri daripada 28 siswi dan 7 siswa yang mempunyai masalah persekitaran yang tidak kondusif untuk menjalankan sesi ODL di kediaman masing-masing.



(<https://news.uitm.edu.my/kemasukan-pelajar-pra-pendidikan-tinggippt-ke-kolej-kediaman-kampus-seri-iskandar-sesi-oktober-2021/kaunter-pendaftaran-4-jpg/>)

Bagi menjamin gelembung selamat dalam kampus, SOP yang ketat telah dijalankan, di antaranya siswa siswi yang dibenarkan tinggal di kolej kediaman haruslah sudah melengkapkan 2 dos vaksin. Pergerakan masuk secara pandu lalu sehingga ke kolej kediaman, penjarakan sosial, pemakaian pelitup muka dan

imbasan mysejahtera/saring C-19 adalah SOP yang perlu dipatuhi oleh waris yang menghantar pulang anak mereka ke kampus.

Pelbagai kemudahan yang boleh dinikmati oleh pelajar di dalam kampus di antaranya, wifi yang pantas, makmal komputer, perkhidmatan perpustakaan sehingga ke malam, kemudahan riadah disediakan mengikut SOP yang telah ditetapkan. Diharapkan fasiliti yang kondusif ini dapat membantu pelajar fokus kepada pembelajaran dan melakar kecemerlangan dan kejayaan pada sesi Oktober 2021-Februari 2022.

Copyright UiTM News Hub. All rights reserved.

[Disclaimer & Copyright | \(https://www.uitm.edu.my/index.php/disclaimer-copyright\)](https://www.uitm.edu.my/index.php/disclaimer-copyright) [Privacy Statement | \(https://www.uitm.edu.my/index.php/privacy-statement\)](https://www.uitm.edu.my/index.php/privacy-statement) [ICT Security Policy \(https://ppii.uitm.edu.my//images/pekeliling/universiti/Dasar/DasarKeselamatanICTv2.pdf\)](https://ppii.uitm.edu.my//images/pekeliling/universiti/Dasar/DasarKeselamatanICTv2.pdf)